

# Alam berbicara, dengarkah kita?

UKM, *SEE Nature* sahabat alam anjur program cintakan alam semula jadi di Kuala Gula, Perak

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@hotmail.com



**K**ESEDARAN akan kepentingan memelihara alam sekitar seharusnya dipupuk sejak kecil.

Biar pun begitu, setiap peringkat umur juga perlu didedahkan tentang kepentingan tersebut menerusi pelbagai aktiviti dan program.

Terbaharu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi kerjasama organisasi Sahabat Hutan Bakau, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan komuniti setempat telah melaksanakan program kesedaran yang dikenali sebagai *SEE Nature 2015* di Kuala Gula, Perak, baru-baru ini.

Jelas naib canselor universiti tersebut,

**Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali**

program yang melibatkan aktiviti alam yang bermula pada 7 hingga 19 Ogos lalu bermula dengan program menanam pokok bakau dan meninjau keadaan di Kuala Gula.

"Program *SEE Nature 2015* merujuk kepada memerhati kepelbagaian biologi, menghayati sains alam dan mendidik generasi muda.

"Hal ini kerana kepentingan dalam memupuk kesedaran memelihara alam sekitar adalah menerusi pemerhatian, penghayatan dan pendidikan berdasar pembelajaran berasaskan pengalaman," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Perasmian Pelepasan *SEE Nature 2015* yang dilancarkan oleh Ahli Parlimen Bagan Serai, Perak, **Dr. Noor Azmi Ghazali** di UKM baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis perasmian pelancaran tersebut adalah penyelaras program, Prof. Madya Dr. Wan Juliana Wan Ahmad.



**PROGRAM** penanaman pokok bakau antara aktiviti yang sering dilakukan bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara alam sekitar. - GAMBAR HIASAN

Program yang bertemakan 'Alam Berbicara, Dengarkah Kita?' itu disertai seramai 20 orang mahasiswa daripada pelbagai jurusan.

Mereka akan dikendalikan oleh UKM dan rakan strategik universiti tersebut untuk mengembangkan kompetensi generik mahasiswa agar sentiasa bersedia kepada dunia pekerjaan kelak.

Selain itu, program tersebut bertujuan mengukur tahap kesedaran alam, penyampaian ilmu kepelbagaian biologi dan pemuliharaan alam sekitar para pelajar kepada masyarakat setempat.

Program *SEE Nature* menyediakan peluang pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) yang dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar UKM melalui khidmat keterlibatan belia terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Dr. Noor Azlan juga menjelaskan bahawa program tersebut merupakan kali ke lima pada tahun ini dan telah dilaksanakan sejak 12 tahun yang lalu lagi.

Dalam pada itu, Dr. Noor Azmi dalam ucapan perasmian turut menyentuh kepentingan memelihara amanah untuk memelihara alam sekitar.

Ujarnya, tanpa kesedaran daripada orang ramai adalah sukar untuk memastikan kelestarian alam sekitar dapat dipertahankan.

"Oleh yang demikian generasi muda merupakan antara mereka yang bertanggungjawab menyedarkan

masyarakat akan hal ini.

"Manusia sering mengambil kesempatan atas kelebihan alam yang dikurniakan oleh Yang Maha Esa," katanya.

Tambah Dr. Noor Azmi lagi, Kuala Gula merupakan antara destinasi



**DR. NOOR AZMI**

yang terbaik bagi mendidik golongan muda dan belia untuk mengenali alam semulajadi.

"Kawasan ini (Kuala Gula) memiliki kepelbagaian ekosistem dan ekologi yang tersendiri.

"Di sana kita boleh melihat dan mengkaji pelbagai tumbuhan dan hidupan marin seperti pokok bakau, kerang-kerangan, ketam, udang serta ikan," katanya.

Katanya lagi, pada hari ini sudah semakin ramai yang menyedari akan kepentingan alam sekitar menjadikan aktiviti berkaitan alam sentiasa mendapat sambutan.

Apatah lagi katanya apabila negara mula dilanda musibah dan bencana alam, masyarakat mula mengambil berat dan merasakan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua.

"Anda (mahasiswa) merupakan antara golongan yang penting kepada negara, oleh itu kesedaran berkenaan kepentingan menjaga alam sekitar amat diperlukan," katanya.

Dr. Noor Azmi berkata, pihaknya sedang dalam proses untuk menjadikan Kuala Gula dapat disenaraikan sebagai salah satu tapak Ramsar agar kawasan tersebut dapat terus dipelihara dengan sebaik-baiknya.

